

RINGKASAN EKSEKUTIF

<u>KERTAS CADANGAN</u>	:	PERMOHONAN BAJET UNTUK MENGANJURKAN ONLINE <i>WORKSHOP ON DEVELOPING E-COMMERCE WEBSITE</i>
<u>TARIKH</u>	:	13 APRIL 2021 (SELASA)
<u>TEMPAT</u>	:	ATAS TALIAN
<u>KOS YANG TERLIBAT / PERUNTUKAN</u>	:	RM1,200.00 (RUJUK LAMPIRAN 1)
<u>WILAYAH</u>	:	PEJABAT MPC WILAYAH SARAWAK (SKO)
<u>BAKI PERUNTUKAN YANG ADA</u>	:	
<u>TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN</u>	:	 (WAN NURHANI WAN KHALID)
<u>KOMEN</u>	:	
<u>TANDATANGAN PENGURUS PCT</u>	:	 (MAHADI HASBULLAH)
<u>IMPAK KEPADA RAKYAT</u>	:	• Mewujudkan persekitaran ekonomi setempat yang mesra teknologi dan digital. • Memahami kriteria kejayaan dan faedah pelaksanaan laman web e-dagang kepada peniagaan atas talian. • Meningkatkan kecekapan peniaga dalam mengendalikan perniagaan atas talian melalui pelaksanaan laman web yang berkesan.

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA
ONLINE WORKSHOP ON DEVELOPING E-COMMERCE WEBSITE

1.0 TUJUAN

- 1.1 Kertas cadangan ini bertujuan untuk mendapatkan kelulusan Lembaga Pengurusan MPC bagi memohon bajet untuk menganjurkan online ***Workshop on Developing E-Commerce Website.***

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Produktiviti merupakan di antara faktor penting bagi membantu pertumbuhan ekonomi serta taraf hidup rakyat sesebuah negara. Menyedari kepentingan meningkatkan produktiviti dan impaknya ke atas daya saing sesebuah organisasi, penggunaan dan kepentingan digital telah menjadi fokus utama dalam aktiviti ekonomi. Sejajar dengan keperluan untuk menyokong dan melengkapkan perusahaan tempatan dengan lebih baik dalam penggunaan kemajuan teknologi, inisiatif ini bertujuan untuk memberi akses kepada PKS bagi mendapat khidmat nasihat daripada pakar e-dagang berkaitan pembangunan laman web yang berkesan bagi perniagaan atas talian.
- 2.2 Dalam memastikan kejayaan dan kelestarian pelantar dalam talian untuk tujuan e-dagang, bengkel ini membolehkan pengukuhan ekosistem e-dagang untuk meningkatkan keupayaan PKS dalam membangunkan laman web e-dagang. Ini, seterusnya, akan menarik pekerja dengan kemahiran digital dan teknologi untuk bekerja dalam sector PKS serta meningkatkan produktiviti.
- 2.3 MPC sebagai agensi yang diberikan tanggungjawab meningkatkan kepakaran dan keupayaan berkaitan produktiviti dan kualiti bertanggungjawab menyediakan program-program berkaitan dalam usaha merealisasi hasrat kerajaan mensasarkan pertumbuhan produktiviti negara.
- 2.4 Selaras dengan tema program pembangunan kapasiti MPC Wilayah Sarawak 2021, bengkel yang dicadangkan ini merupakan strategi dalam menyumbang kepada pelaksanaan ekonomi digital serta disasarkan kepada pengurusan tertinggi syarikat awam dan swasta.
- 2.5 Sasaran peserta minimum untuk program ini adalah seramai 15 orang dan yuran yang dikenakan adalah RM150.00. Bengkel akan diadakan secara atas talian untuk 4 jam.

3.0 OBJEKTIF

Melalui bengkel ini, peserta akan:

- 3.1 Menenalpasti prinsip utama dalam merangka laman web e-dagang.
- 3.2 Mempelajari cara memilih nama domain yang bersesuaian dengan laman web mereka dan memilih perkhidmatan *hosting web* yang tepat serta bersesuaian dengan perniagaan dalam talian mereka.
- 3.3 Mempunyai *blue print* laman web e-dagang yang lengkap.
- 3.4 Membangunkan laman web e-dagang sendiri mengikut tatacara yang betul.
- 3.5 Menenalpasti dan membiasakan diri dengan perisian, aplikasi dan *plugin* penting yang diperlukan dalam membangun, mengurus dan menyelenggara laman web e-dagang mereka, dan
- 3.6 Mempelajari cara menggunakan sepenuhnya laman web e-dagang yang bersesuaian dengan keperluan dan matlamat perniagaan dalam talian mereka.

4.0 JUSTIFIKASI / FAEDAH-FAEDAH

- 4.1 Memberi pendedahan mengenai kepentingan kriteria kejayaan dan faedah pembangunan laman web yang berkesan.
- 4.2 Membolehkan PKS menikmati peningkatan hasil dan produktiviti dalam perniagaan atas talian melalui pembangunan laman web yang berstruktur dan mesra pengguna.
- 4.3 Dapat meningkatkan bilangan PKS yang menceburkan diri dalam pasaran e-dagang tempatan dan antarabangsa dan berjaya meningkatkan penjualan dan pelanggan mereka.

5.0 CADANGAN TENAGA PENGAJAR

- 5.1 Tenaga Pengajar bagi program ***Online Workshop on Developing a Fully Functional eCommerce Website*** yang mempunyai latarbelakang dalam bidang pasaran e-dagang khususnya dalam elemen maklumat serta mampu mengendalikan bengkel dengan berkesan.

- 5.2 Pembayaran untuk tenaga pengajar adalah menggunakan borang permohonan pembayaran dan prosedur JPPK.

6.0 CADANGAN PROGRAM

- 6.1 Cadangan program adalah seperti di **Lampiran 2**.

7.0 ANGGARAN PERBELANJAAN

- 7.1 Yuran yang dikenakan kepada setiap peserta adalah sebanyak **RM150.00**
- 7.2 Jangkaan hasil adalah sebanyak **RM2,250.00** manakala anggaran perbelanjaan adalah sebanyak **RM1,200.00** untuk pembayaran penceramah (Rujuk Lampiran 1).

8.0 CADANGAN / SYOR

- 8.1 Adalah disyorkan agar Lembaga Pengurusan MPC meluluskan permohonan bajet untuk menganjurkan program online **Workshop on Developing E-Commerce Website** dengan kos sebanyak **RM1,200.00**.

Disediakan oleh:  Nancy Anak Joan Penolong Pengurus MPC Wilayah Sarawak 12/03/2021	Disemak oleh:  Hafiza Atha Ahmad Pengurus MPC Wilayah Sarawak 15/03/2021	Disahkan oleh:  Semawi Zakaria Pengurus Kanan MPC Wilayah Sarawak 15/03/2021
---	---	---

Workshop Developing E-Commerce Website

A) Anggaran Hasil

Bil	Perbelanjaan	Kuantiti	Harga/unit (RM)	Jumlah (RM)
1.	Hasil	15*	150.00	2,250.00
2.	Anggaran Perbelanjaan	1	1,200.00	1,200.00
HASIL BERSIH				1,050.00

*kuantiti peserta minimum

B) Anggaran Kos

Bil	Perbelanjaan	Kuantiti	Harga/unit (RM)	Jumlah (RM)
1.	Pembayaran penceramah (4 Jam)	4 Jam	300.00	1,200.00
JUMLAH PERBELANJAAN				1,200.00

TENTATIVE PROGRAMME
Workshop Developing E-Commerce Website

Platform : Zoom Meeting
Date : 13 April 2021 (Tuesday)
Time : 0900 – 1300

TIME	PROGRAMME*
0830	Registration / Opening Ceremony
0900 – 1245	• Introduction on E-Commerce • Tips for a strong and attractive website for eCommerce.
1245	Closing Ceremony / Q&A Session
1300	End of The Programme

*to be confirmed